# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# PEMAPARAN SOSIOBUDAYA MINANGKABAU DALAM SINEMA INDONESIA: *DIBAWAH LINDUNGAN KA'ABAH* (2011) DAN *TENGGELAMNYA KAPAL VAN DER VICK* (2013)

**ANIS FITRAH ILAHI BINTI NAZRI**
**2013728555**

Latihan ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi
sebahagian daripada syarat memperolehi ijazah
**Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Kepujian)**
**Skrin**

**Fakulti Filem, Teater dan Animasi**

Mac 2016

**FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI**
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**
**KAMPUS PUNCAK PERDANA**
**SHAH ALAM, SELANGOR**

**SESI:** MAC 2016 – JULAI 2016

**DENGAN INI MENGESAHKAN**

ANIS FITRAH ILAHI BINTI NAZRI

2013728555

**TELAH MEMENUHI SEGALA SYARAT PENULISAN LATIHAN ILMIAH YANG TELAH DITETAPKAN OLEH JAWATANKUASA AKADEMIK FAKULTI.**

**TARIKH**

**…………………………………….**

**PENYELIA**

ENCIK AZRI ABU HASSAN

**…………………………………….**

**DEKAN**

DATO’ PROFESOR A.RAZAK HJ. MOHAIDEEN

**…………………………………….**

# PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali pendapat-pendapat dan karya pihak lain yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Kajian ilmiah ini juga belum pernah dihantar ke mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk sebarang ijazah atau kelulusan.

| | | |
|---|---|---|
| Nama Pelajar | : | Anis Fitrah Ilahi Binti Nazri |
| No. Pelajar | : | 2013728555 |
| Program | : | Skrin (FF223) |
| Fakulti | : | Filem, Teater Dan Animasi |
| Tajuk Kajian | : | Pemaparan Sosiobudaya Minangkabau Dalam Sinema Indonesia: *Dibawah Lindungan Ka'abah* (2011) dan *Tenggelamnya Kapal Van Der Vick* (2013) |
| Tandatangan Pelajar | : | .................................................. |
| Tarikh | : | Julai 2016 |

# PENGHARGAAN

بسم الله الرحمن الرحيم

Alhamdulillah hirrabbil'alamin, saya merafakkan penuh kesyukuran kehadrat Ilahi dengan limpah dan kurnianya, dapat saya menyelesaikan penulisan latihan ilmiah ini dengan penuh jayanya. Alhamdulillah, syukur dipanjatkan dan rasa terima kasih diberikan kepada Pensyarah bagi subjek Penulisan Latihan Ilmiah, Dr. Norman Yusoff kerana memberi panduan dan ilmu untuk saya menyiapkan penulisan ilmiah ini. Ucapan terima kasih ini juga saya tujukan kepada penyelia yang sentiasa sabar dalam memperbetulkan kesilapan penulisan latihan ilmiah ini, iaitu Encik Azri Abu Hassan. Terima kasih kerana sentiasa memberikan ilmu baru tanpa pernah kenal erti jemu. Selain daripada itu, terima kasih juga buat seluruh pensyarah-pensyarah Fakulti Filem, Teater dan Animasi yang sentiasa bertolak ansur dalam usaha saya menyiapkan penulisan latihan ilmiah ini. Ucapan terima kasih juga buat keluarga tercinta buat ayahanda Encik Nazri Kamarudin dan bonda Puan Rokiah Abdullah serta adik-adik yang sentiasa memahami dan tidak putus dalam memberikan doa sebagai penguat diri ini. Buat sahabat-sahabat seperjuangan, terima kasih kerana sering memberikan teguran dan berkongsi ilmu dalam menyiapkan penulisan latihan ilmiah ini. Sepanjang menjalankan penulisan akademik ini, saya telah memperoleh pelbagai ilmu baru serta pengalaman sama ada pahit mahupun manis yang amat berharga dan bermakna dalam hidup saya sebagai seorang pelajar. Pengalaman yang diperoleh itu akan dijadikan sebagai sebagai rujukan dan sempadan di masa hadapan. Akhir kata, terima kasih buat semua insan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam penghasilan penulisan ilmiah ini. Semoga setiap satu dari kalian semua akan dirahmati Allah.

**ANIS FITRAH ILAHI BINTI NAZRI**
Fakulti Filem, Teater Dan Animasi,
Universiti Teknologi Mara,
Kampus Puncak Perdana,
Shah Alam, Selangor.

# ABSTRAK

Kajian ini telah dilakukan untuk mengenalpasti pemaparan sosiobudaya Minangkabau yang disampaikan melalui filem *Dibawah Lindungan Ka'abah* (2011) dan filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Vick* (2013). Teori Karl Marx telah digunakan bagi memahami masyarakat dan perjuangan kelas. Teori ini digunakan di dalam filem tersebut bagi mendapatkan sokongan kepada hasil kajian, kaedah kualitatif dan *discourse analysis*. Hasil kajian mendapati bahawa melalui pemaparan sosiobudaya Minangkabau yang digambarkan di dalam filem *Dibawah Lindungan Ka'abah* (2011) dan *Tenggelamnya Kapal Van Der Vick* (2013) telah melahirkan masyarakat yang pentingkan adat apabila menonton filem ini manakala fahaman yang ingin disampaikan di kedua-dua buah filem ini adalah pemaparan sosiobudaya Minangkabau.